



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**17 - 19 FEBRUARI 2024 (SABTU - ISNIN)**

### 3 Anjing Gigit Wanita, Dikuarantin Di JPV 14 Hari

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Kes	Online	17 Feb



Pagar rumah rosak menyebabkan anjing peliharaan bebas keluar dan menyerang Cheah Hean Hoon di Medan Terengganu, Georgetown, semalam. - Foto ihsan Cheah Hean Hoon

Georgetown: Tiga anjing yang menyerang dan menggigit seorang wanita dalam kejadian di Medan Terengganu, di sini, baru-baru ini sudah ditangkap, Khamis lalu.

Tindakan itu dilakukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam satu operasi.

Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab, berkata anjing yang ditangkap itu kini dikuarantin dan dipantau dalam tempoh 14 hari.

Katanya, jika anjing terbabit menunjukkan tanda penyakit rabies atau mati, sampel otak akan diambil bagi ujian penentuan penyakit (rabies) dan jika sebaliknya, ia akan dikembali kepada pemiliknya.

"Bagaimanapun, dalam kes ini haiwan itu diserahkan oleh pemilik dan akan dikembali kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selepas tamat tempoh kuarantin bagi tindakan lanjut kerana anjing berkenaan didapati tidak berlesen.

"Ia bermakna anjing terbabit akan diserahkan kepada PBT tetapi jika mangsa sudah membuat laporan polis, ia akan terus ditahan di JPV sehingga kes selesai.

"JPV sebelum ini juga tidak menerima aduan berkaitan serangan atau individu digigit anjing di kawasan berkenaan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Pada 9 Februari lalu, BH melaporkan seorang wanita cedera di tangan kanan, selain paha kiri dan kanan juga terkoyak sehingga terpaksa menjalani pembedahan di hospital swasta selepas diserang anjing peliharaan jiran.

Dalam kejadian kira-kira jam 5 petang itu, Cheah Hean Hoon, 49, diserang tiga anjing yang tidak dirantai ketika berjalan melintasi rumah jirannya.

Mangsa mendakwa, ia adalah kejadian berulang yang mana kakak ipar serta beberapa jiran yang lain pernah digigit anjing berkenaan dan mereka sudah melaporkan kepada PBT.

Kakak ipar mangsa, Patricia Cheah, 52, ketika dihubungi berkata, ia menjadi kejadian ngeri kepada adiknya yang

pulang dari Singapura bagi menyambut Tahun Baharu Cina di kampung.

Katanya, sehingga hari ini, adiknya yang bekerja sebagai akauntan tidak dapat berdiri atau duduk bagi tempoh lama kerana kakinya akan membengkak.

"Kami terpaksa membayar kira-kira RM15,000 bagi kos rawatan termasuk pembedahan yang perlu dijalankan segera selepas kejadian.

"Pemilik anjing tidak pernah datang bertanya membayar khabar apatah lagi bagi menjelaskan kos rawatan," katanya.

Sementara itu, rumah perlindungan haiwan SPCA Pulau Pinang menerusi Pentadbirnya, Lily Leng berkata, mangsa boleh membawa kes itu ke mahkamah supaya pemilik menjelaskan kos rawatan.

"Orang ramai atau kejiwaan boleh melaporkan masalah seumpamanya kepada PBT bagi tindakan segera dan jika didapati anjing berkenaan tidak mempunyai lesen, mereka boleh dikenakan denda," katanya ketika dihubungi.-[BHONLINE](#)

## Anjing Serang Wanita Dikuarantin 14 Hari

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
My Metro	Mutakhir	Online	17 Feb



GAMBAR HIASAN

Georgetown: Tiga anjing yang menyerang dan menggigit seorang wanita di Medan Terengganu, di sini, baru-baru ini sudah ditangkap Khamis lalu.

Ia ditangkap dalam operasi oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, anjing itu kini dikuarantin selama 14 hari, untuk mengesan sama ada terdapat tanda penyakit rabies atau

tidak.

Katanya, jika berpenyakit, sampel otak haiwan itu akan diambil untuk analisis dan sekiranya selamat, anjing itu boleh dikembalikan kepada pemiliknya.

"Bagaimanapun dalam kes ini, haiwan itu akan dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selepas tamat tempoh kuarantin kerana didapati tidak berlesen.

"Namun, sekiranya mangsa membuat laporan polis,

haiwan terbabit akan dalam jagaan JPV sehingga kes selesai," katanya ketika dihubungi.

Media sebelum ini melaporkan Cheah Hean Hoon, 49, cedera tangan kanan, selain paha kiri dan kanan terkoyak selepas diserang anjing peliharaan jirannya, 8 Februari lalu.

Kakak ipar mangsa, Patricia Cheah, 52, ketika dihubungi berkata, ia menjadi kejadian ngeri kepada adiknya yang pulang dari Singapura bagi menyambut Tahun Baharu Cina di kampung.

Katanya, sehingga hari ini, adiknya yang bekerja sebagai akauntan tidak dapat berdiri atau duduk bagi tempoh lama, malah mereka menanggung kos perubatan berjumlah RM15,000.

"Pemilik anjing tidak pernah datang bertanya khabar apatah lagi bagi menjelaskan kos rawatan," katanya lagi.

Sementara itu, rumah perlindungan haiwan SPCA Pulau Pinang menerusi Pentadbirnya, Lily Leng berkata, mangsa boleh membawa kes itu ke mahkamah supaya pemilik menjelaskan kos rawatan.

"Orang ramai atau kejiwaan boleh melaporkan masalah seumpamanya kepada PBT

untuk tindakan dan jika pemilik tidak mempunyai lesen memelihara anjing, mereka boleh dikenakan denda," katanya.-[MYMETRO](#)

## Ladang Babi Disyaki Cemar Sungai Kulim, Sungai Air Merah Diarah Tutup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	18 Feb



Arahan penutupan operasi dikeluarkan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) selepas semakan mendapati ladang itu tiada lesen sah untuk beroperasi. - Facebook Penang Kini

**BUKIT MERTA JAM:** Sebuah ladang ternakan babi di perkampungan Sungai Lembu, di sini diarah tutup serta-merta selepas disyaki melepaskan sisa ternakan hingga menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah di Kedah.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang Fahmi Zainol berkata arahan itu dikeluarkan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) selepas semakan mendapati ladang itu tiada lesen sah

untuk beroperasi.

"Hasil semakan, ladang ini didapati gagal dalam proses mendapatkan lesen justeru JPV telah mengeluarkan arahan supaya pemiliknya mengosongkan ladang selain diminta memberikan jadual pergerakan babi dari ladang terbabit ke rumah sembelih," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Fahmi berkata bilangan ternakan di ladang itu banyak dan pemindahan perlu dilakukan secara berperingkat.

Katanya, tindakan lanjut juga akan diambil pihak JPV mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap pemilik ladang terbabit selain mengeluarkan satu notis kompaun.

Media hari ini melaporkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah mengesan kegiatan melepaskan sisa ternakan babi yang disyaki dari ladang perkampungan Sungai Lembu, dalam Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang hingga menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata pemeriksaan oleh pihaknya mendapati terdapat beberapa kolam yang melepaskan efluen ke Sungai Air Merah yang kemudiannya memasuki Sungai Kulim, yang jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah-Sungai Kulim adalah kira-kira tiga kilometer.

Untuk rekod, terdapat Loji Rawatan Air (LRA) Toh Allang di Sungai Kulim yang membekalkan air bagi Pulau Pinang dan loji ini terletak kira-kira tujuh kilometer dari pertemuan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Sementara itu, Pengarah JAS Pulau Pinang, Norazizi

Adinan memaklumkan pihaknya telah mengambil sampel dari lima lokasi untuk diuji dan sekiranya aduan itu berasas tindakan susulan termasuk perundangan akan diambil terhadap pemilik ladang tersebut.

"Pegawai JAS telah turun ke kawasan dinyatakan sejak semalam dan siasatan masih diteruskan hingga ke hari ini. "Bagaimanapun dalam kes ini, peranan JAS adalah terhad kerana kami tiada kuasa khusus terhadap ladang ternakan jadi kami akan bekerjasama dengan pihak-pihak lain untuk mengambil tindakan perundangan mengikut kuasa masing-masing," katanya.- [ASTROAWANI](#)

## Ladang Khinzir Disyaki Lepas Sisa Hingga Cemar Sungai Henti Operasi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	18 Feb



JABATAN Alam Sekitar (JAS) Kedah mengesan kegiatan melepaskan efluen atau sisa ternakan dilakukan sebuah ladang khinzir di Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang, menyebabkan pencemaran di Sungai Kulim dan Sungai Air Merah. FOTO Ihsan JAS Kedah

Bukit Mertajam: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mengarahkan penternak khinzir di perkampungan Sungai Lembu, di sini, yang dikesan melepaskan sisa ternakan hingga menyebabkan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah di Kedah tercemar menghentikan operasi serta-merta.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol berkata, arahan itu dikeluarkan selepas semakan mendapati

ladang itu gagal memperolehi lesen secara sah untuk beroperasi.

"Oleh itu, JPV sudah dikeluarkan arahan mengosongkan ladang selain meminta jadual pergerakan khinzir dari ladang terbabit ke rumah sembelih.

"Jumlah khinzir di ladang ini banyak dan perlu dilaksanakan secara berperingkat. Penternak juga didapati tidak mahu mengikut arahan yang ditetapkan.



"Maka, JPV akan mengambil tindakan selanjutnya mengikut enakmen sedia ada terhadap penternak berkenaan dan kompaun turut akan dikeluarkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung isu pelepasan sisa ternakan khinzir yang dibongkarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, semalam.

Katanya, Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) juga akan membuat pemantauan di lokasi yang dilaporkan.

Sementara itu, Pengarah JAS Pulau Pinang Norazizi Adinan berkata, pihaknya berada di lokasi sejak semalam dan siasatan diteruskan hingga hari ini.

"Lima lokasi telah diambil sampel oleh JAS Pulau Pinang dan tindakan susulan termasuk perundangan akan dikenakan terhadap pemilik kandang khinzir berkenaan jika aduan berasas.

"Namun, JAS mempunyai kuasa terhadap terhadap ladang ternakan kerana tiada kuasa khusus untuk pencemaran dari ladang ternakan," katanya.

Terdahulu, JAS Kedah mengesan berlaku kegiatan melepaskan sisa ternakan

khinzir disyaki dari ladang terbabit sehingga menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarahnya, Sharifah Zakiah Syed Sahab dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat berkaitan pencemaran itu Jumaat lalu, sebelum siasatan mengesan punca kejadian.- [MYMETRO](#)

## Pencemaran Hulu Sungai Kulim Akibat Aktiviti Ternak Khinzir - JAS

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	18 Feb



JABATAN Alam Sekitar (JAS) Kedah mengesan kegiatan melepaskan efluen atau sisa ternakan dilakukan sebuah ladang khinzir di Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang, menyebabkan pencemaran di Sungai Kulim dan Sungai Air Merah. FOTO Ihsan JAS

Alor Setar: Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjalankan siasatan berhubung pencemaran di hulu Sungai Kulim dipercayai berpunca daripada aktiviti penternakan khinzir di negeri jiran.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, maklumat itu diterima melalui sistem Notification of Pollution Event (NPE) pada 11 pagi Jumaat lalu.

Menurutnya, maklumat bacaan bagi parameter amoniakal nitrogen (NH<sub>3</sub>-N) yang

direkodkan adalah 2.91152 mg/l dan melebihi had yang ditetapkan.

"Sepasukan pegawai penyiasat JAS Kedah (Cawangan Kulim) digerakkan bagi mengesan punca pencemaran itu pada 16 dan 17 Februari lalu.

"Siasatan di lapangan meliputi kawasan hulu Sungai Kulim mendapati aliran air berwarna hitam dari Sungai Air Merah yang terletak bersempadan Kedah dan Pulau Pinang kemudian

memasuki Sungai Kulim, di sini.

"Pemantauan dron sepanjang Sungai Air Merah mengesan punca disyaki dari pelepasan efluen atau air sisa dari aktiviti penternakan khinzir di Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Sharifah Zakiah berkata, pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan khinzir mendapati terdapat beberapa kolam yang melepaskan efluen ke Sungai Air Merah yang kemudiannya memasuki Sungai Kulim.

Menurutnya, jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah-Sungai Kulim adalah sejauh tiga kilometer.

Katanya, terdapat Loji Rawatan Air Toh Allang di Sungai Kulim, Pulau Pinang yang membekalkan air bagi Pulau Pinang iaitu kira-kira tujuh km dari pertemuan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

"Hasil siasatan sudah dimaklumkan kepada JAS Pulau Pinang untuk diambil tindakan oleh pihak berkuasa Pulau Pinang seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang dan Badan Kawal Selia Air Pulau Pinang.

"Semua pihak dinasihatkan tidak mencemarkan sungai dan pencemaran sungai boleh menyebabkan loji air ditutup dan menjejaskan bekalan air," katanya.-  
[MYMETRO](#)

## Pencemaran Sungai: Ladang Ternak Babi Di Sungai Lembu Diarah Tutup

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
Kosmo!	Negara	Online	18 Feb



Ladang ternakan babi di Sungai Lembu, Bukit Mertajam. - FOTO Media Sosial

GEORGE TOWN – Sebuah ladang ternakan babi di Sungai Lembu, Bukit Mertajam dekat sini diarahkan ditutup selepas didakwa menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah, Kedah.

Pengerusi Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Negeri, Fahmi Zainol berkata, arahan itu dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPV) selepas mendapati ladang tersebut gagal memperolehi lesen secara sah.

”Ladang tersebut gagal dalam

memperolehi lesen secara sah dan JPV sudah keluarkan arahan untuk kosongkan ladang tersebut. Saya menasihatkan semua pihak pemilik ladang untuk patuhi garis panduan dan arahan diberikan. Jika tidak tindakan undang-undang akan diambil,” katanya di sini, hari ini.

Terdahulu, media melaporkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengesan berlakunya kegiatan melepaskan sisa ternakan babi disyaki dari ladang perkampungan Sungai Lembu, yang

menyebabkan pencemaran  
Sungai Kulim dan Sungai Air  
Merah. – [KOSMO! ONLINE](#)

## Ladang Babi Pulau Pinang Lepaskan Sisa Ternakan Ke Sungai Kulim

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Mutakhir	Online	18 Feb



Keadaan kolam di ladang ternakan babi di Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang yang disyaki mengakibatkan pencemaran di Sungai Air Merah dan Sungai Kulim. –

Foto ihsan JAS Kedah

ALOR SETAR: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengesan berlakunya kegiatan melepaskan sisa ternakan babi disyaki dari ladang perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab, berkata pihaknya menerima maklumat berkaitan pencemaran itu Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Cawangan Kulim

digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

Katanya, pemeriksaan lapangan yang dilakukan pegawai penyiasat meliputi kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah mengalir masuk ke Sungai Kulim.

"Pasukan penyiasat kemudian bertindak menyusuri Sungai Air Merah dan turut melakukan pemantauan menggunakan dron di sepanjang Sungai Air

Merah.

"Pemantauan melalui dron di sepanjang Sungai Air Merah mengesan punca pelepasan air hitam tersebut disyaki berpunca dari pelepasan efluen atau air sisa dari aktiviti penternakan babi di perkampungan Sungai Lembu, SPT, Pulau Pinang," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Sharifah Zakiah berkata, pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan babi mendapati terdapat beberapa kolam yang melepaskan efluen ke Sungai Air Merah yang kemudiannya memasuki Sungai Kulim.

"Jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah-Sungai Kulim adalah kira-kira tiga kilometer. Untuk rekod, terdapat Loji Rawatan Air (LRA) Toh Allang di Sungai Kulim yang membekalkan air bagi Pulau Pinang dan loji ini terletak kira-kira tujuh kilometer dari pertemuan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

"Hasil siasatan telah dimaklumkan kepada JAS Pulau Pinang untuk diambil tindakan oleh pihak berkuasa Pulau Pinang seperti Jabatan Veterinar Pulau Pinang dan Badan Kawal Selia Air Pulau Pinang," katanya.

Berikutan itu, beliau meminta semua pihak tidak melakukan aktiviti yang mencemarkan sungai kerana ia boleh menyebabkan loji air ditutup dan menjejaskan bekalan air kepada penduduk.-[BHONLINE](#)

Ladang Babi Pulau Pinang Lepas Sisa Ternakan Ke Sungai Kulim  
Diarah Tutup - JPV

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	18 Feb



Keadaan kolam di ladang ternakan babi di Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang yang disyaki mengakibatkan pencemaran di Sungai Air Merah dan Sungai Kulim. –

Foto ihsan JAS Kedah

BUKIT MERTA JAM: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang sudah mengarahkan penternak babi di perkampungan Sungai Lembu di sini, yang disyaki melepaskan sisa ternakan hingga berlaku pencemaran di Sungai Kulim dan Sungai Air Merah di Kedah menutup operasi ladang serta-merta.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol, berkata arahan itu dikeluarkan selepas semakan mendapati

ladang itu gagal memperoleh lesen secara sah untuk beroperasi.

"Oleh itu, JPV sudah keluarkan arahan kosongkan ladang, selain meminta jadual pergerakan babi dari ladang terbabit ke rumah sembelih.

"Jumlah babi di ladang ini banyak dan perlu dilaksanakan secara berperingkat, penternak juga didapati tidak mahu mengikut arahan yang ditetapkan.



"Sehubungan itu, JPV akan mengambil tindakan selanjutnya mengikut enakmen sedia ada terhadap penternak berkenaan dan satu kompaun akan dikeluarkan," katanya ketika diminta mengulas isu pelepasan sisa ternakan babi yang dikesan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah.

Fahmi berkata, Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) juga akan melakukan pemantauan di lokasi yang dilaporkan.

Terdahulu, JAS Kedah mengesan berlaku kegiatan melepaskan sisa ternakan babi disyaki dari ladang perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarahnya, Sharifah Zakiah Syed Sahab, dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat berkaitan pencemaran itu Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Cawangan Kulim digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

"Pemeriksaan lapangan yang dilakukan pegawai penyiasat meliputi kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah mengalir masuk ke

Sungai Kulim.

Sementara itu, Pengarah JAS Pulau Pinang, Norazizi Adinan, berkata pihaknya sudah turun di lapangan sejak semalam dan siasatan diteruskan hingga hari ini.

"Lima lokasi diambil sampel oleh pihak JAS Pulau Pinang dan jika aduan berasas, tindakan susulan termasuk tindakan perundangan akan dikenakan terhadap pemilik kandang babi itu.

"Semua pihak yang mempunyai kuasa perundangan akan diminta untuk mengambil tindakan mengikut kuasa masing-masing. JAS mempunyai kuasa terhadap terhadap ladang ternakan kerana tiada kuasa khusus untuk pencemaran dari ladang ternakan," katanya.-

[BHONLINE](#)

## Pencemaran: Ladang Ternakan Babi Di Sungai Lembu Diarah Tutup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Utara	Online	18 Feb



JPV mengarahkan sebuah ladang ternakan babi di perkampungan Sungai Lembu di Bukit Mertajam ditutup selepas ia didakwa menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah. - Foto JAS Kedah

BUKIT MERTAJAM - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPV) mengarahkan sebuah ladang ternakan babi di perkampungan Sungai Lembu, di Bukit Mertajam ditutup selepas ia didakwa menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah, Kedah.

Pengerusi Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol ketika dihubungi berkata, arahan dibuat selepas pihaknya mendapati ladang berkenaan

gagal dalam memperoleh lesen secara sah sebelum ini.

Jelas Fahmi, pihak JPV juga akan mengeluarkan kompaun terhadap pihak ladang berkenaan esok dan Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) juga akan turun membuat pemantauan di lokasi yang dilaporkan.

"Jabatan Veterinar Pulau Pinang sudah keluarkan arahan kosongkan ladang dan meminta ia dipindahkan ke ladang sembelihan.

Namun sehingga kini, ia tidak berlaku malah penternak juga didapati tidak mahu mengikut arahan yang ditetapkan.

"Jumlah babi di ladang itu terlalu banyak dan ia perlu dilaksanakan secara berperingkat. Bagaimanapun pihak JPV negeri akan terus mengambil tindakan mengikut enakmen sedia ada," katanya ketika diminta mengulas mengenai pelepasan sisa ternakan babi yang dibongkar Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah di sini hari ini.

Sementara itu, Pengarah JAS Pulau Pinang, Norazizi Adinan berkata, pihaknya juga telah turun di lapangan sejak Sabtu dan siasatan diteruskan hingga hari ini.

Setakat ini, lima lokasi telah diambil sampel oleh pihak JAS Pulau Pinang dan sekiranya aduan tersebut berasas, tindakan susulan termasuk tindakan perundangan akan dikenakan terhadap pemilik kandang babi berkenaan.

"Semua pihak yang mempunyai kuasa perundangan akan diminta untuk mengambil tindakan mengikut kuasa masing-masing.

"JAS mempunyai kuasa terhadap ladang

ternakan kerana tiada kuasa khusus untuk pencemaran dari ladang ternakan," katanya ketika dihubungi.

Media pada Ahad melaporkan, JAS Kedah mengesan berlakunya kegiatan melepaskan sisa ternakan babi disyaki dari ladang perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, pihaknya menerima maklumat berkaitan pencemaran itu Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Cawangan Kulim digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

Katanya, pemeriksaan lapangan yang dilakukan pegawai penyiasat meliputi kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah mengalir masuk ke Sungai Kulim.

Pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan babi mendapati terdapat beberapa kolam yang melepaskan efluen ke Sungai Air Merah yang kemudiannya memasuki Sungai Kulim.

Hasil siasatan telah dimaklumkan kepada JAS

Pulau Pinang untuk diambil tindakan oleh pihak berkuasa Pulau Pinang seperti Jabatan Veterinar Pulau Pinang dan Badan Kawal Selia Air Pulau Pinang.-[SINARHARIAN](#)

## Pig Farm Causing Pollution In Sungai Kulim, Sungai Air Merah Ordered To Shut Down

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
The Star	Nation	Online	18 Feb

BUKIT MERTA JAM: A pig farm in Sungai Lembu village here was ordered to shut down immediately after it was suspected of releasing farm waste, causing pollution in Sungai Kulim and Sungai Air Merah in Kedah.

Penang Agrotechnology, Food Security and Cooperative Development Committee chairman Fahmi Zainol said the directive was issued by the Veterinary Services Department (DVS) after the farm was found to be operating without a valid licence.

"After an inspection, the DVS instructed the owner to vacate the premises and arrange for the pigs to be moved to the slaughterhouse," he said when contacted on Sunday (Feb 18).

Fahmi said as the number of livestock on the farm was substantial, the transfer would have to be done in stages, adding that DVS would take further legal action against the farm owner in addition to issuing a compound notice.

Earlier on Sunday, the media

reported that the Kedah Environment Department found suspected pig farm waste discharge from a Sungai Lembu village farm, causing pollution in Sungai Kulim and Sungai Air Merah in Seberang Perai Tengah district.

State director Sharifah Zakiah Syed Sahab, said several ponds were found releasing effluents into Sungai Air Merah which then flow into Sungai Kulim where the farm area is about 3km away from the confluence of the two rivers.

She highlighted that the Toh Allang Water Treatment Plant in Sungai Kulim which supplies water to Penang is located about 7km where Sungai Kulim and Sungai Air Merah merge.

Meanwhile, Penang Environment Department director Norazizi Adinan, informed that the department had taken samples from five locations for testing, and if the complaints are substantiated, follow-up

actions including legal action would be taken against the farm owner.

"Officers have been at the site since Saturday (Feb 18) and investigations are still ongoing today.

"In this case, our role is limited as we do not have jurisdiction over the farm. We will collaborate with other relevant authorities that have the legal jurisdiction and enforcement powers over the farm to address any issues or violations," he said. –  
[THESTAR](#)

## 'Orang Lain Makan Nangka, Orang Lain Kena Getah'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Artikel	Online	19 Feb



JPV arahkan sebuah ladang ternakan babi di perkampungan Sungai Lembu di Bukit Mertajam ditutup selepas ia didakwa menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah. Foto JAS Kedah

KES pencemaran sungai sebelum ini kerap kali dilaporkan, namun dalam kes terbaharu di Kedah agak berbeza kerana kesannya merentas sempadan negeri.

Sungai Kulim dan Sungai Air Merah dicemari sisa ternakan babi yang dipercayai berpunca daripada ladang perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang.

Perbuatan tersebut jelas mencerminkan penternak terbabit sangat tidak

bertanggungjawab dan hanya ingin meraih keuntungan semata-mata tanpa memikirkan kesan kepada penduduk setempat serta alam sekitar.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab pada Ahad dilaporkan berkata, hasil pemeriksaan yang dilakukan pihaknya berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah mengalir masuk ke Sungai Kulim.

Ujarnya, terdapat beberapa kolam yang melepaskan efluen ke Sungai Air Merah yang kemudiannya memasuki Sungai Kulim.

Situasi itu dilihat tidak ubah seperti peribahasa 'orang lain makan nangka, orang lain kena getah' kerana yang terkena tempias daripada penternakan babi secara haram itu adalah penduduk di Kedah.

Disebabkan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPV) mengarahkan ladang ternakan babi terbabit ditutup.

Pengerusi Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol pula berkata, arahan dibuat selepas pihaknya mendapati ladang berkenaan gagal dalam memperoleh lesen secara sah sebelum ini.

Jelas Fahmi, pihak JPV juga akan mengeluarkan kompaun terhadap pihak ladang berkenaan pada Isnin dan Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) juga akan turun membuat pemantauan di lokasi yang dilaporkan.

Bagaimanapun, adakah tindakan kompaun akan menyelesaikan isu penternakan babi haram dan pencemaran sungai yang


cukup meloyakan itu?

Mungkin pihak berkuasa boleh terus bertindak menutup secara kekal ladang demikian bagi memastikan kes sebegitu tidak lagi berulang.-[SINARHARIAN](#)



MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	1,2 & 3	19 Feb

# SISA BABI RENTAS NEGERI



Ladang ternakan babi di Seberang Perai tengah yang diyakini melepaskan sisa air ke Sungai Air Merah yang kemudian memasuki Sungai Kulim.

- Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah membongkar kejadian pencemaran di Sungai Kulim yang dipercayai berpunca dari ladang ternakan babi di perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
- Lebih membimbangkan, lokasi pelepasan sisa air berwarna hitam itu terletak hanya 10 kilometer di hulu Loji Rawatan Air Toh Allang di Sungai Kulim yang membekalkan air kepada penduduk Pulau Pinang.
- Exco kerajaan Pulau Pinang, Fahmi Zainol mengesahkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri telah mengarahkan ladang babi berkenaan ditutup dan bakal dikompaun kerana beroperasi tanpa lesen.

**MUKA 2 & 3**

JAS Kedah kesan pencemaran air berwarna hitam di sempadan Kedah-Pulau Pinang

# Ladang babi Pulau Pinang lepaskan sisa ke Sungai Kulim

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI ALOR SETAR



Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah berjaya mengesan aliran air berwarna hitam dari Sungai Air Merah yang memasuki Sungai Kulim yang disyaki air sisa aktiviti penternakan babi.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, pencemaran berkenaan dikesan melalui sistem Notification of Pollution Event (NPE) Level 1 pada jam 11 pagi pada Jumaat lalu.

Katanya, maklumat bacaan bagi parameter ammoniakal, nitrogen (NH3-N) yang direkodkan adalah 2.91152 mg/l iaitu melebihi had yang ditetapkan.

"Susulan itu sepasukan pegawai penyiasat daripada JAS Kedah (Cawangan Kulim) digerakkan bagi mengesan punca pencemaran.

"Pasukan berkenaan kemudiannya menjalankan semakan rekod inventori dan siasatan di lapangan meliputi kawasan hulu Sungai Kulim," katanya dalam kenyataan di sini pada Ahad.

Menurutnya, hasil siasatan pasukan penyiasat mendapati terdapat aliran air berwarna hitam dari Sungai Air Merah yang memasuki Sungai Kulim.

"Mereka telah menyusuri Sungai Air Merah dan juga melakukan pemantauan menggunakan dron di sepanjang sungai terbabit.

"Hasilnya mereka mengesan berlaku pelepasan air hitam disyaki air sisa aktiviti penternakan

khinzir di perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang," kata beliau.

Jelasnya, pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan khinzir mendapati terdapat beberapa kolam yang melepaskan efluen ke Sungai Air Merah yang kemudiannya memasuki Sungai Kulim.

"Jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah-Sungai Kulim adalah tiga kilometer. Selain itu terdapat Loji Rawatan Air Toh Allang di Sungai Kulim (Pulau Pinang) yang membekalkan air bagi Pulau Pinang.

"Loji terbabit terletak kira-kira tujuh kilometer dari pertemuan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah," ujarnya.

Sharifah Zakiah berkata, hasil siasatan telah dimaklumkan kepada JAS

Pulau Pinang.

Sementara itu, Pengarah JAS Pulau Pinang, Norazizi Adinan berkata, pihaknya juga telah turun di lapangan sejak Sabtu dan siasatan diteruskan hingga Ahad.


Setakat ini, lima lokasi telah diambil sampel oleh pihak JAS Pulau Pinang dan sekiranya aduan tersebut berasas, tindakan susulan termasuk tindakan perundangan akan dikenakan terhadap pemilik kandang babi berkenaan.

"Semua pihak yang mempunyai kuasa perundangan akan diminta untuk mengambil tindakan mengikut kuasa masing-masing.


"JAS mempunyai kuasa terhadap ladang ladang ternakan kerana tiada kuasa khusus untuk pencemaran dari ladang ternakan," katanya ketika dihubungi.



SHARIFAH ZAKIAH



Pegawai JAS Kedah melakukan pemantau menggunakan dron di Sungai Air Merah selepas pencemaran sungai dikesan Jumaat lalu.



Lokasi pencemaran sungai akibat sisa ternakan babi di sempadan Pulau Pinang-Kedah.

## PENCEMARAN LADANG BABI DI PULAU PINANG

**16 OKTOBER 2020**  
Sebanyak 26 ladang ternakan babi di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, Pulau Pinang didapati membuang sisa kumbahan dan najis secara terus ke dalam sungai di kawasan itu, dedah Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan negeri ketika itu, Dr Norfela Ariffin.

**17 Disember 2020**  
Polis membuka kertas siasatan berhubung pencemaran Sungai Kereh di Tasik Gelugor, dipercayai berpunca daripada pelepasan sisa najis babi. Kemelut tersebut dilapor berlarutan sejak 40 tahun lalu.

**7 April 2022**  
Sahabat Alam Malaysia (SAM) mendakwa sebilangan operasi ladang ternakan babi di Pulau Pinang tidak mengikut piawalan serta syarat yang telah ditetapkan hingga menyebabkan pencemaran. Ini termasuk di Kampung Selamat, Gertak Sanggul, Vajidor, Simpang Ampat dan Sungai Jawi.

**14 Februari 2023**  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mengesahkan penyakit African Swine Fever menjangkiti ternakan di 30 ladang babi komersial di negeri ini.

**7 November 2023**  
Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan menggesa kerajaan negeri Pulau Pinang menubuhkan task force bagi memuktamadkan isu pencemaran berkaitan ladang babi yang menghantui penduduk Kampung Selamat sejak lebih empat dekad lalu.



FAHMI

## Ladang diarah tutup, jumlah babi terlalu banyak

**BUKIT MERTAJAM** - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPV) telah mengarahkan sebuah ladang ternakan babi di perkampungan Sungai Lembu, di Bukit Mertajam ditutup selepas ia menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah, Kedah.

Pengerusi Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan

Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol ketika dihubungi berkata, arahan dibuat selepas pihaknya mendapati ladang berkenaan gagal dalam memperoleh lesen secara sah sebelum ini.

Jelas Fahmi, pihak JPV juga akan mengeluarkan kompaun terhadap pihak ladang berkenaan pada hari ini dan Bahagian Kawal

Selia Air (BKSA) juga akan turun membuat pemantauan di lokasi yang dilaporkan.

"Jabatan Veterinar Pulau Pinang sudah keluar arahan kosongkan ladang dan meminta ia dipindahkan ke ladang sembelihan. Namun sehingga kini, ia tidak berlaku malah penternak juga didapati tidak mahu mengikut arahan yang ditetapkan.

"Jumlah babi di ladang itu terlalu banyak dan ia perlu dilaksanakan secara berperingkat. Bagaimanapun pihak JPV negeri akan terus mengambil tindakan mengikut enakmen sedia ada," katanya ketika diminta mengulas mengenai pelepasan sisa ternakan babi yang dibongkar Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah pada Ahad.

# Ladang babi haram mengganggu penduduk

Pencemaran telah melanggar Enakmen Penternakan Babi 2016

Oleh FARHANA ABD KADIR  
SHAH ALAM

Operasi ladang ternakan babi di Pulau Pinang telah mengakibatkan pencemaran air sungai kerana terdapat sebahagian penternakan haiwan itu tidak mengikut piawaian peraturan dan syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri.

Presiden Sahabat Alam Sekitar (SAM), Meenakshi Raman berkata, sisa air kumbahan yang tidak dirawat telah dilepaskan oleh pengusaha ladang terbabit ke dalam saliran sedia ada sehingga mengeluarkan bau tidak menyenangkan.

Menurutnya, antara kawasan yang bermasalah adalah Kampung Selamat, Gertak Sanggul, Valdor, Simpang Ampat dan Sungai Jawi. Tambah beliau, pencemaran tersebut bukan sahaja telah melanggar Enakmen Penternakan Babi 2016, tetapi juga mengganggu penduduk

sekitarnya dan langkah untuk merobohkan ladang ternakan adalah tindakan berkesan dalam menangani masalah itu.

"Langkah menutup operasi dan merobohkan ladang-ladang yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen dilihat paling berkesan bagi menyelesaikan masalah pencemaran ini.

"Kita amat menyokong langkah ini kerana selain menyebabkan pencemaran parit, sungai, laut dan persekitaran kawasan operasi ladang babi yang melanggar peraturan telah mengganggu penduduk dan orang awam.

"Kami menyambut baik kepegasan yang ditunjukkan kerajaan negeri Pulau Pinang terhadap pengusaha ladang babi yang gagal mematuhi Enakmen Penternakan Babi 2016 sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran bau dan sumbu ber air," katanya pada Ahad.

Sebelum ini, *Sinar Harian* pada Jumaat melaporkan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah sedang me-



MEENAKSHI



nyiasat kejadian pencemaran di hulu Sungai Kulim yang dipercayai berpunca daripada aktiviti penternakan babi di perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, dekat Pulau Pinang.

Pengarahnya, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, pihaknya menerima maklumat berkaitan pencemaran itu menerusi sistem 'Notification of Pollution Event' (NPE) Tahap 1 pada jam 11 pagi, Jumaat lepas.

Mengulas lanjut, menurut Meenakshi, pihak berkuasa perlu bertindak tegas terhadap penternak ladang babi di negeri itu sekiranya tidak mengikut undang-undang yang ditetapkan.

"Kami menggesa pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Alam Sekitar bertindak tegas terhadap penternak babi yang menyebabkan bau dan pencemaran sungai," katanya.



Sisa air kumbahan yang tidak dirawat telah dilepaskan oleh pengusaha ladang terbabit ke dalam saliran sedia ada sehingga mengeluarkan bau tidak menyenangkan.

## Teroka Baka Ayam, Nanas dan Padi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	6	19 Feb



MOHAMAD (tiga dari kanan) melihat pertukaran dokumen dengan wakil Iran ketika pertemuan semalam.

Malaysia, Iran jalin kerjasama penyelidikan

# Teroka baka ayam, nanas dan padi

**PETALING JAYA** – Malaysia dan Iran akan menjalin kerjasama bagi meneroka penyelidikan berkaitan baka ayam Arian, nanas dan padi bagi manfaat keterjaminan makanan negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerjasama terbabit dijalin selepas beliau mengadakan sesi perbincangan bersama Timbalan Menteri Pertanian Iran, TYT Dr. Mojtaba Khayam Nekouei.

"Alhamdulillah perbincangan yang amat berjaya dan berhasil

di mana Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berjaya memperkukuhkan kerjasama penyelidikan bersama dengan negara Iran.

"Delegasi' yang diketuai oleh saya turut berjaya mencapai kata sepakat untuk meneroka dan memulakan gerak kerja penyelidikan berkaitan dengan baka ayam Arian, nanas dan padi," katanya dalam satu hantaran di laman Facebook semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, ketiga-tiga kerjasama ini adalah selari dengan fokus KPKM


2024 pada Majlis Amanat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Januari lalu.

Pada majlis itu katanya, beliau telah menggariskan empat fokus utama Kementerian tahun ini iaitu industri ayam dan telur, industri padi, industri nanas dan industri bawang.

"Perbincangan bersama Timbalan Menteri Pertanian Iran telah membuka jalan dan insya-Allah ia mampu dilaksanakan untuk manfaat rakyat dan negara Malaysia dalam bidang makanan," katanya.

## Lelehan Sisa Khinzir

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	17	19 Feb



**GAMBAR** yang diambil menggunakan dron menunjukkan kawasan penternakan khinzir yang mengakibatkan Sungai Air Merah tercemar Jumaat lalu.

Sisa berwarna hitam cemar Sungai Air Merah

# Lelehan sisa khinzir

Oleh **JAMLIAH ABDULLAH**

**ALOR SETAR** – Pelepasan air berwarna hitam dari sebuah pusat penternakan khinzir di Kampung Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dikenal pasti sebagai punca yang mengakibatkan Sungai Air Merah tercemar Jumaat lalu.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, kejadian pada pukul 11 pagi itu melibatkan aliran air dari sungai itu ke Sungai Kulim di Kulim.

Katanya, maklumat mengenai kejadian itu diterima melalui sistem *Notification of Pollution Event* Tahap Satu yang memberikan bacaan bagi parameter Ammoniakal Nitrogen 2.91152 miligram seliter dan melebihi had yang ditetapkan.

"Sebaik menerima maklumat, sepasukan pegawai penyiasat kemudian digerakkan bagi mengesan punca pencemaran pada 16

dan 17 Februari lalu. Semakan rekod inventori dan siasatan di lapangan meliputi kawasan hulu Sungai Kulim kemudiannya dijalankan.

"Hasil siasatan mendapati terdapat aliran air berwarna hitam dari Sungai Air Merah yang memasuki Sungai Kulim yang mengakibatkan ia tercemar," katanya semalam.

Menurut Sharifah, siasatan lanjut menggunakan dron berjaya mengesan punca pelepasan air berwarna hitam itu yang datang daripada aktiviti penternakan khinzir di perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Tambahnya, pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan khinzir mendapati ada beberapa kolam yang melepaskan air sisa ke Sungai Air Merah yang mengalir masuk ke Sungai Kulim.

"Jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah hingga Sungai Kulim

adalah tiga kilometer. Untuk rekod, terdapat Loji Rawatan Air Toh Allang di Sungai Kulim di Pulau Pinang yang membekalkan air bagi sebahagian penduduk di negeri itu.

"Loji itu terletak kira-kira tujuh kilometer dari pertemuan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah," jelasnya.

Ujar Sharifah Zakiah, pihaknya telah memaklumkan perkara itu kepada JAS Pulau Pinang untuk tindakan lanjut pihak berkaitan seperti Jabatan Veterinar dan Badan Kawal Selia Air di negeri berkenaan.

"Semua pihak adalah digesa untuk tidak mencemar sungai. Pencemaran Sungai boleh menyebabkan loji air ditutup dan menjejaskan bekalan air," tambahnya.

Pihak yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman penjara dan denda mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

# Ladang Babi disyaki Jadi Punca Pencemaran Sungai

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan	Dalam Negeri	36	19 Feb

## Ladang babi disyaki jadi punca pencemaran sungai

Oleh **JAMLI AH ABDULLAH**  
 utusannews@mediamula.com.my

**ALOR SETAR:** Pencemaran Sungai Air Merah menghala ke Sungai Kulim di Kulim dipercayai berlaku akibat aktiviti penternakan babi di perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.


Menurut Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab, pihaknya menerima maklumat pencemaran itu melalui sistem *Notification of Pollution Event (NPE)* Tahap Satu pada pukul 11 pagi, Jumaat lepas.

"Maklumat bacaan bagi parameter Ammoniakal Nitrogen (NH3-N) yang direkodkan adalah 2.91152 miligram seliter (mg/l) dan melebihi had yang ditetapkan.

"Sepasukan pegawai penyiasat dari JAS Kedah (Cawangan Kulim) kemudiannya digerakkan bagi mengesan punca pencemaran pada 16 dan 17 Februari. Semakan rekod inventori dan siasatan di lapangan meliputi kawasan hulu Sungai Kulim kemudiannya dijalankan.

"Pasukan penyiasat kemudiannya mendapati bahawa terdapat aliran air berwarna hitam dari

PEMANDANGAN udara ladang babi dipercayai menjadi punca pencemaran di Sungai Kulim, Kulim.



Sungai Air Merah yang memasuki Sungai Kulim," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kata Sharifah Zakiah, pasukan penyiasat menyusuri Sungai Air

Merah dan memantau menggunakan drone di sepanjang sungai terabit untuk mengenal pasti punca pencemaran.

"Pemantauan melalui drone di-

jalankan di sepanjang Sungai Air Merah berjaya mengesan punca pelepasan air hitam tersebut.

"Pelepasan air hitam disyaki berpunca dari pelepasan air sisa

dari aktiviti penternakan khinzir di perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang," ujarnya.

Jelasnya, pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan khinzir mendapati terdapat beberapa kolam yang melepaskan air sisa ke Sungai Air Merah yang kemudiannya memasuki Sungai Kulim.

"Jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah hingga Sungai Kulim adalah tiga kilometer (km). Terdapat Loji Rawatan Air (LRA) Toh Alang di Sungai Kulim yang membekalkan air bagi Pulau Pinang. Loji ini terletak kira-kira 7km dari pertemuan kedua-dua sungai itu," jelasnya.

Tambah Sharifah Zakiah, pihaknya memaklumkan perkara itu kepada JAS Pulau Pinang untuk tindakan lanjut pihak berkuasa negeri itu seperti Jabatan Veterinar Pulau Pinang dan Badan Kawal Selia Air Pulau Pinang.

"Semua pihak digesa untuk tidak mencemarkan sungai kerana pencemaran boleh menyebabkan loji air ditutup dan menjejaskan bekalan air," jelasnya.

## Ladang Babi Cemar 2 Sungai diarah Tutup Serta-Merta

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	17	19 Feb

# Ladang babi cemar 2 sungai diarah tutup serta-merta

**JAS Kedah kesan operasi haram lepaskan sisa ternakan dari beberapa kolam**

Oleh M Hizuddin Ikhsan dan Nur Izzati Mohamad  
bhnews@bh.com.my

**Bukit Mertajam:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang sudah mengarahkan operasi sebuah ladang babi di Sungai Lembu di sini, ditutup serta-merta selepas Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengesan berlaku kegiatan melepaskan sisa ternakan haiwan itu yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol, berkata arahan itu dikeluarkan selepas semakan mendapati ladang terbabit gagal memperoleh lesen secara sah untuk beroperasi.

"JPV keluaran arahan mengosongkan ladang, selain meminta jadual pergerakan babi dari ladang itu ke rumah sembelih.

"Jumlah babi di ladang ini banyak dan perlu dilaksanakan berperingkat, penternak juga didapati tidak mahu mengikut arahan ditetapkan.

"JPV akan mengambil tindakan mengikut enakmen sedia ada terhadap penternak itu dan satu kompaun akan dikeluarkan," katanya mengulas isu pelepasan sisa ternakan babi yang dikesan JAS Kedah.

Fahmi berkata, Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) juga akan memantau lokasi yang dilaporkan.

Terdahulu, JAS Kedah mengesan kegiatan melepaskan sisa babi disyaki dari ladang perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarahnya, Sharifah Zakiah Syed Sahab, dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat pencemaran itu Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Kawangan Kulim digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

Katanya, pemeriksaan lapangan dilakukan pegawai penyiasat meliputi kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah mengalir masuk ke Sungai Kulim.

### Dron kesan pelepasan sisa

"Pasukan penyiasat bertindak menyusuri Sungai Air Merah dan turut melakukan pemantauan menggunakan dron di sepanjang Sungai Air Merah.

"Pemantauan melalui dron di sepanjang Sungai Air Merah mengesan punca pelepasan air hitam itu disyaki berpunca dari pelepasan efluen atau air sisa daripada aktiviti penternakan babi di perkampungan Sungai



Aliran air hitam dari kolam ladang ternak babi di Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah disyaki cemari Sungai Air Merah dan Sungai Kulim.

(Foto ihsan JAS Kedah)

Lembu, SPT, Pulau Pinang.

"Pemeriksaan lanjut di sekitar kawasan penternakan babi mendapati beberapa kolam yang melepaskan efluen ke Sungai Air Merah yang kemudian memasuki Sungai Kulim.

"Jarak antara kawasan penternakan ke pertemuan Sungai Air Merah-Sungai Kulim kira-kira tiga kilometer (km).

"Untuk rekod, terdapat Loji Rawatan Air (LRA) Toh Allang di Sungai Kulim yang membekalkan air bagi Pulau Pinang dan loji ini terletak kira-kira 7km dari pertemuan Sungai Kulim dan Sungai Air Merah," katanya dalam kenyataan kelmarin.

Sementara itu, Pengarah JAS

Pulau Pinang, Norazizi Adinan, berkata pihaknya turun lapangan sejak kelmarin dan siasatan diteruskan hingga semalam.

"Lima lokasi diambil sampel oleh JAS Pulau Pinang dan jika aduan berasas, tindakan susulan termasuk tindakan perundangan akan dikenakan terhadap pemilik kandang babi itu.

"Semua pihak yang mempunyai kuasa perundangan akan diminta untuk mengambil tindakan mengikut kuasa masing-masing."

"JAS mempunyai kuasa terhadap ladang ternakan kerana tiada kuasa khusus untuk pencemaran dari ladang ternakan," katanya.

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR